

UMP, HeiTech Padu jalin kerjasama tekno keusahawanan

UTUSAN MALAYSIA (CIMUR) 12/10/2016 m/s 32

KUANTAN 11 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan HeiTech Padu Berhad sebagai usaha membangunkan program tekno keusahawanan menggunakan inovasi dan teknologi terbaharu dalam mengaplikasikan bidang berkaitan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti itu akan mengenal pasti bidang penyelidikan yang dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak serta meneroka peluang kerjasama dalam membangunkan keusahawanan teknologi menerusi pengkomersialan di institusi pengajian tinggi berkenaan.

“Sebagai sebuah universiti teknikal berteraskan kejuruteraan dan teknologi, jalinan kerjasama ini mengukuhkan lagi ekosistem terhadap inovasi khususnya dalam bidang akademik, pembangunan dan penyelidikan, pengkomersilan, perundingan serta tekno keusahawanan,” katanya selepas majlis menandatangani MoU tersebut di Menara HeiTech Padu Berhad, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada majlis, UMP diwakili Dr. Daing Nasir manakala Hei Tech Padu Berhad diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya,

Harris Ismail dan disaksikan Pengerusi HeiTech Padu Berhad, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah UMP.

Menurut Daing Nasir, pengetahuan dan inovasi merupakan elemen penting dalam membantu melonjakkan kemakmuran sesebuah negara ke tahap lebih gemilang.

Kata beliau, UMP memiliki sumber-sumber dan kemampuan dalam menjayakan projek penyelidikan yang menepati kehendak industri termasuk dengan penubuhan sembilan fakulti mengkhususkan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta enam pusat kecemerlangan.

“Saban tahun UMP menganjurkan Pertandingan Penciptaan, Inovasi, Teknologi dan Ekspo Penyelidikan (Citrex) yang pastinya menggalakkan budaya ciptaan dalam kalangan kakitangan dan penuntut.

“Selain itu, UMP juga mewujudkan kawasan Industrial Technology, Engineering Creativity Space (ITECS) yang merupakan platform fizikal di kampus Pekan untuk menghubungkan universiti, industri, usahawan dan agensi kerajaan dalam memperkukuh pengkomersialan teknologi,” katanya.

Memorandum of Understanding for Strategic R&D Initiative



DAING NASIR IBRAHIM (duduk kiri) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan **Harris Ismail** (kanan) disaksikan **Mohd. Hilmey Mohd. Taib** di Menara HeiTech Padu Berhad, Kuala Lumpur, baru-baru ini.